

Received: 20 Oktober 2019; Accepted: 15 December 2019

Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran

Ummu Karamah Binti Alias¹, Hamdi Bin Ishak², Sabri Bin Mohamad³

Email:ummukaramahalias@gmail.com¹, hamdi@ukm.edu.my², sabri_m@ukm.edu.my³

¹Calon Sarjana di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

^{2&3}Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Dewasa ini pembelajaran al-Quran di Malaysia berkembang dengan baik sekali. Hal ini dapat dilihat apabila ianya bergerak seiring dengan perkembangan agama Islam itu sendiri sehinggakan terdapat banyak kaedah bacaan al-Quran yang diperkenalkan bagi memudahkan setiap peringkat umur mempelajarinya. Justeru ia juga tidak terkecuali bagi golongan-golongan kurang upaya. Golongan ini turut memerlukan kaedah pembacaan al-Quran yang sesuai mengikut kemampuan mereka untuk mempelajarinya. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi mengkaji kaedah-kaedah bacaan al-Quran yang dilaksanakan dalam kalangan orang kurang upaya pendengaran sama ada di pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Kajian ini memilih reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis data. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak kaedah yang telah diperkenalkan bagi membantu golongan ini membaca al-Quran. Namun tiada pelaksanaan yang selaras bagi kaedah bacaan al-Quran sama ada diperingkat kerajaan mahupun diperingkat bukan kerajaan. Oleh yang demikian, pengkaji berharap agar kajian mengenai kaedah bacaan al-Quran dapat diperhalusi lagi agar kaedah tersebut dapat diselaraskan supaya golongan ini tidak terkeliru serta mampu mendalami bacaan al-Quran tanpa sebarang kesukaran.

Kata Kunci : *kaedah bacaan al-Quran, golong kurang upaya pendengaran*

Methodology of Qur'an Recitation for Hearing-Impaired Person

Abstract

Nowadays, the study of Qur'an in Malaysia has grown tremendously. This scenario can be seen as it moves along with the development of Islam religion until there are many Qur'anic recitation methods to make every age learn it easily. In this advancement, the disabled people also will get their chance to learn Qur'anic recitation as well. These groups require appropriate methods of Qur'anic recitation according to their learning ability. This research was conducted to study the methodology of Qur'anic recitation practiced among hearing-impaired persons in both governmental and non-governmental organizations. This study using qualitative design with data analysis method. The results of this study showed that there are many methods that have been introduced to help hearing-impaired persons to recite the Qur'an. However, there was no consistent implementation of the Qur'anic recitation method either at the government level or at the non-government level. Therefore, the researcher hopes that the study of Qur'anic recitation method can be further refined to make it practical for the hearing impaired persons and able to learn Qur'anic recitation without having difficulty.

Keywords: *methodology of Quranic recitation, hearing-impaired person*

1. Pengenalan

Al-Quran merupakan Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW agar dapat membimbing umat manusia menuju ke jalan yang lurus (Manna Khalil, 1973). Mempelajari dan menghayati al-Quran merupakan satu keperluan serta tuntutan yang menjadi kewajiban bagi setiap manusia yang bergelar muslim dan beriman dengan kitab Allah SWT. Begitu juga dengan golongan istimewa seperti pekak, bisu dan buta, tuntutan mempelajari al-Quran ke atas mereka juga tidak terlepas.

Namun begitu, bentuk atau sistem perlaksanaannya mungkin berbeza mengikut kemampuan seseorang. Golongan istimewa adalah golongan yang memiliki ketidakupayaan yang berbeza-beza dari sudut fizikal, penglihatan, pendengaran, kognitif serta pelbagai lagi (Suyuti et al, 2016) malah tanpa asas dan kaedah yang betul, kemahiran membaca al-Quran tidak akan mudah dicapai oleh individu tersebut terutama pada golongan orang kurang upaya yang mempunyai kesukaran dalam memahami dan menerima input baru (Patonah et al, 2014).

Oleh yang demikian, dalam menangani permasalahan ini muncul agensi-agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan mengambil inisiatif bagi menyediakan dan melaksanakan pembelajaran pendidikan al-Quran kepada golongan ini. Perlaksanaan pendidikan al-Quran ini dijalankan dengan kaedah berbeza-beza disetiap tempat (Suyuti et al 2016). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kaedah pembelajaran bacaan al-Quran terhadap orang kurang upaya pendengaran diperingkat kerajaan mahupun agensi-agensi luar.


2. Konsep Orang Kurang Upaya Pendengaran (OKUP)

Orang kurang Upaya Pendengaran (OKUP) ini terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu golongan pekak dan golongan yang mengalami kesukaran dalam mendengar. Golongan pekak ialah golongan yang tidak mampu memahami dan mengerti segala bunyi sekeliling mereka walaupun dengan bantuan alat pendengaran (Mohd Zuri et. al 2011). Kemudian Moroos (1987) , membahagikan lagi golongan pekak ini kepada dua istilah yang dikaitkan dengan umur, iaitu pekak sebelum berbahasa (*prelingual deafness*) dan pekak selepas berbahasa (*postlingual deafness*). Pekak sebelum berbahasa ini kebiasaannya merujuk kepada golongan yang mengalami pekak sewaktu lahir atau berlaku sebelum umur yang membolehkan ia bertutur. Pekak selepas berbahasa pula ialah golongan yang mengalami pekak ketika umur sudah memperoleh pertuturan.

Seterusnya bagi golongan yang mengalami kesukaran dalam mendengar pula ialah golongan yang dapat memproses maklumat daripada bunyi sekeliling mereka dengan bantuan alat pendengaran (Mohd Zuri et. al 2011). Kebiasaan mereka yang mengalami kesukaran dalam pendengaran ini di tahap 35 sehingga 69 desible (dB) ataupun bagi mereka yang mengalami masalah pendengaran yang teruk ialah pada tahap 71 sehingga 90 dB.

3. Hubungan antara Deria Pendengaran dan Pertuturan

Deria pendengaran amat penting bagi membantu seseorang untuk bertutur. Hal ini kerana pendengaran dan pertuturan mempunyai hubungan yang rapat (Hamdi Ishak 2010). Oleh yang demikian, sekiranya berlaku mana-mana kecacatan pada bahagian proses pendengaran, ia akan membawa kesan kepada keupayaan pendengaran dan berbahasa lisan (Abdullah Yusof 2014).



(Sumber Hamdi Ishak, 2010;Abdullah Yusof,2014)

Kehilangan pendengaran yang dialami oleh seseorang akan mengakibatkannya tidak mendengar bunyi-bunyi pertuturan (Zalizan Mohd Jelas 2009). Hal ini sekaligus membawa kepada kecacatan komunikasi lisan serta implikasinya terhadap berbahasa ialah mereka tidak dapat memahami dan berbahasa lisan dengan baik (Abdullah Yusof 2014).

4. Hak Pendidikan Orang Kurang Upaya

Dalam konteks undang-undang negara Malaysia, Akta 685 iaitu akta Orang Kurang Upaya 2008 telah diperuntukkan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Antara isi kandungan akta ini adalah bagi mengiktiraf kepentingan kesamarataan kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi, kebudayaan, kesihatan, pendidikan serta kepada maklumat dan komunikasi, bagi membolehkan penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat tanpa didiskriminasikan (Akta Orang Kurang Upaya 2008).

Kandungan akta ini menunjukkan bahawa hak untuk mendapatkan pendidikan ini juga tidak terkecuali bagi golongan OKU. Dalam bidang pendidikan, OKU dirujuk kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) atau Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) (Norakyairee & Nurulthoilah, 2017). Menurut Warta Kerajaan Persekutuan melalui Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, “murid berkeperluan pendidikan khas” ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai :

- (a) Ketidakupayaan penglihatan;
- (b) Ketidakupayaan pendengaran;
- (c) Ketidakupayaan pertuturan;
- (d) Ketidakupayaan fizikal
- (e) Masalah pembelajaran; atau
- (f) Mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau ketidakupayaan dan masalah, yang disebut dalam perenggan (a) hingga (e).

Pada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) juga memperlihatkan bahawa dimana Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dizahirkan seperti yang berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggung-jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Justeru, Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini menunjukkan bahawa pendidikan yang khusus dan bersesuaian dengan ketidakupayaan, keperluan dan kebolehan kanak-kanak yang pelbagai juga perlu disediakan serta tidak terkecuali seperti pendidikan kanak-kanak tipikal . Akta Pendidikan 50 Pengajaran Agama Islam juga turut menyatakan bahawa:

“Jika dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri”

Hal ini mengukuhkan lagi bahawa pendidikan dalam kalangan murid berkeperluan khas tidak didiskriminasikan atas kekurangan fizikal dan mental mereka malah ia diberi kesamarataan seperti murid-murid yang lain seperti dalam akta Pendidikan Islam, dimana di dalam akta ini tidak menyatakan sama sekali ianya khas kepada golongan murid tipikal sahaja malahan ia dinyatakan secara umum.

5. Kurikulum Pendidikan Al-Quran Di Malaysia Bagi Murid Kurang Upaya Pendengaran

Kurikulum bagi murid kurang upaya pendengaran adalah sama seperti murid-murid tipikal ataupun murid aliran perdana, tetapi cara penyampaian atau pengajaran guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah dengan menggunakan bahasa isyarat. Oleh yang demikian, murid-murid ini akan diajar mengenai penggunaan bahasa isyarat terlebih dahulu semasa peringkat sekolah rendah bagi memudahkan mereka mengikuti pelajaran (Mohd Zuri Ghani et. al 2011).

Bagi Pendidikan Islam, Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia telah dilaksanakan di sekolah-sekolah terutamanya peringkat rendah adalah sepertimana yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 2002. Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSSRPK) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup.

Kandungan Standard Kurikulum Pendidikan Islam tersebut mempunyai tujuh bidang utama iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah Adab, dan Jawi. Bidang al-Quran dibahagikan kepada tiga iaitu membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih, menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih, memahami pengertian surah-surah tertentu dan menghayati pengajarannya (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018).

KPM melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) sentiasa melakukan semakan kurikulum Pendidikan Islam dari semasa ke semasa. Hal ini bertujuan untuk memperbaiki kelemahan, membina kesesuaian dari sudut aspek pelaksanaan dengan keperluan semasa, keupayaan membina sahsiah murid dan menanamkan benih-benih keimanan yang teguh serta mantap dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran semasa (Norakyairee & Nuruthoilah, 2017).

6. Kaedah- Kaedah Bacaan Al-Quran Bagi Murid Kurang Upaya pendengaran.

Pembelajaran al-Quran diperingkat kerajaan telah memperkenalkan Program j-Qaf Pendidikan Khas dimana ia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu yang bermasalah pembelajaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran. Setiap kategori MBK mempelajari bidang-bidang tertentu di dalam Pendidikan Islam berdasarkan Modul-modul Program j-Qaf di Pendidikan Khas. Bagi MBK bermasalah pendengaran pula hanya mengikuti Modul PdP Pelajaran Jawi, Modul Penganjuran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Amali Solat serta mengikut modifikasi dari aliran perdana (Kementerian Pendidikan Malaysia).

Perlaksanaan Modul al-Quran terbahagi kepada tiga. Modul ini memberi tumpuan kepada membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih, menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih, memahami pengertian surah-surah tertentu dan menghayati pengajarannya (Izzuli, t.th). kajian ini memfokuskan kepada kaedah-kaedah membaca al-Quran dalam kalangan Murid Kurang Upaya Pendengaran (MKUP). Antara kaedah-kaedahnya ialah:

a. Kaedah Iqra'

Kaedah membaca al-Quran bagi murid kurang upaya pendengaran ini terbahagi kepada dua iaitu murid kurang upaya pendengaran yang tidak boleh mengeluarkan suara dan murid kurang upaya pendengaran yang boleh mengeluarkan suara. Kaedah Iqra' ini sesuai digunakan oleh murid kurang upaya pendengaran yang boleh mengeluarkan suara serta ia dilaksanakan secara talaqqi musyafahah (Muhammad Sayuti Sabdan et. al 2016).

Kaedah Iqra' merupakan kaedah pembelajaran al-Quran yang telah diubah suai daripada kaedah lama iaitu kaedah Baghdadiyah (Syeidah Nusailah 2018). Kaedah ini diasaskan oleh Ustaz Tuan Haji As'ad Humam yang berasal dari Indonesia. Beliau merupakan salah seorang Pengasas Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid, Musolla dan ahli Lembaga Pengembangan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan di Yogyakarta, Indonesia (Kamal Azmi Jasmi et. al 2013).

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerima kaedah Iqra' ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran seluruh sekolah rendah di Malaysia (Ishak Sulaiman 2013 ; Syeidah Nusailah 2018). Penerimaan ini adalah disebabkan tiada kaedah yang dikhas di sekolah-sekolah melainkan guru-guru hanya menggunakan kaedah turun menurun iaitu kaedah bahgdadiyah yang secara jelasnya memakan masa untuk guru memperkenalkan huruf, baris, mengeja dan menyebutnya. Di samping itu, kaedah Iqra' merupakan hanyalah satu kaedah pembelajaran al-Quran yang tidak mengganggu sukatan pelajaran. Kaedah ini juga telah dibuktikan pelajar mampu menguasai al-Quran dengan cepat dan berkesan oleh Majlis Tadarus Remaja di Wilayah Yogyakarta (Syeidah Nusailah 2018; Kamal Azmi Jasmi et. al 2013)

Buku iqra' ini mempunyai enam jilid dan bilangan muka suratnya ialah 182 halaman. Tulisan buku iqra' tersebut adalah dengan menggunakan tulisan Rasm Uthmani. Pembelajaran al-Quran dengan menggunakan kaedah iqra' ini telah disusun secara lengkap, serta sistematik dengan huruf-huruf yang seimbang (Kamal Azmi et. al 2013) dimana ia bermula daripada memperkenalkan huruf-huruf pelbagai baris mengikut peringkat, kalimah dan hinggalah kepada ayat (Syeidah Nusailah 2018). Kaedah ini menekankan kepada pembacaan secara terus iaitu ia tidak dieja terlebih dahulu seperti kaedah bahgdadiyah (Ishak Sulaiman 2013 ; Syeidah Nusailah 2018).

Di samping itu, kaedah Iqra' in menggunakan teknik pengajaran Cara Belajar Murid Aktif (CBMA) iaitu dengan cara guru mengajar beberapa kali sehingga pelajar memahaminya, kemudian pelajar meneruskan bacaan berikut secara sendirian. Pembelajaran al-Quran ini dijalankan secara talaqqi musyafahah iaitu pelajar berhadapan dengan guru semasa proses pembelajaran. Justeru itu, kaedah ini sesuai dijalankan dengan kadar kuantiti pelajar yang telah dihadkan oleh guru untuk satu masa. Tahap prestasi pelajar pula berbeza, terutama bagi pelajar kurang upaya pendengaran yang sememangnya mempunyai keterbatasan dalam pertuturan. Hal ini dapat dilihat apabila mereka sukar menyebut huruf-huruf Hija'iyah, membezakan bunyi huruf –huruf dan tidak jelas sebutan (Mustafa Che Omar 2015)





b. Kaedah Pertuturan Kiu

Kaedah pembelajaran al-Quran bagi Murid Kurang Upaya Pendengaran juga boleh dilaksanakan melalui pendekatan Pertuturan Kiu. Selain daripada bahasa isyarat dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM), Pertuturan Kiu atau Cued Speech juga merupakan salah satu medium komunikasi bagi golongan kurang upaya pendengaran.


Pertuturan Kiu ini diasaskan oleh Dr. R. Orin Cornett pada tahun 1967 dengan tujuan bagi membantu kanak-kanak pekak Amerika membaca gerak bibir dalam bahasa Inggeris. Dr Orin Cornett menamakan ia sebagai "Pertuturan Kiu" kerana kiu tangan digunakan seiring dengan pertuturan biasa supaya setiap sukukata dapat di kenalpasti dengan jelas melalui penglihatan dan pendengaran (Syeidah Nusailah 2018 ; Unit Pendidikan Khas Ugama 2014) Kiu tangan tersebut diletakkan disisi muka bagi membuat semua bunyi dalam bahasa pertuturan nampak berbeza. Kiu tangan ini juga membantu pelajar membaca gerak bibir bagi menentukan perkataan yang disebut. Setiap kiu tangan tidak mempunyai makna secara bersendirian tetapi mesti dilaksanakan bersama bacaan bibir. Kaedah ini menekankan bacaan bibir, latihan auditori dan penghasilan pertuturan.

Kaedah Pertuturan Kiu di Malaysia diperkenalkan di Malaysia oleh sebuah badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia (NSD) pada tahun 1988 iaitu enam tahun selepas penyesuaian pertuturan Kiu dalam Bahasa Malaysia dilakukan oleh Naib Presiden Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia, Tan Chin Guan dengan bantuan DR R Orin Cornett sendiri (Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia 2012).

Seterusnya, Pertuturan Kiu Bahasa Arab (PKBA) direka untuk memberi peluang kepada murid kurang upaya pendengaran yang beragama Islam serta tenaga pengajar untuk membaca al-Quran , membaca doa dan membaca bahan bacaan berbahasa Arab. PKBA ini dicipta sebagai satu alat yang ingin ditunjukkan kepada MKUP akan perbezaan bunyi pertuturan dalam Bahasa Arab (Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia 2012). Setiap kiu tangan terdiri daripada satu bentuk tangan yang diletakkan pada posisi tangan yang khas. PKBA terdiri 4 posisi tangan huruf vokal jawi ا و ي dan mempunyai lapan bentuk kiu tangan seperti pada rajah 1 dan 2.

	<p>Posisi 1 Tangan di sisi muka untuk bunyi huruf Hija'iyah baris atas</p>
	<p>Posisi 2 Tangan menyentuh leher untuk bunyi huruf Hija'iyah baris bawah</p>
	<p>Posisi 3 Tangan menyentuh leher untuk bunyi huruf Hija'iyah baris hadapan</p>
	<p>Posisi 4 Tangan menyentuh dagu untuk bunyi huruf tafkhīm خ / ص / ض / ط / ظ / غ / ق</p>

Rajah 1 : Posisi tangan untuk sebutan vokal jawi ا و ي dan huruf tebal (tafkhim)



Rajah 2: Bentuk kiu tangan mewakili huruf Hija'iyah

Menurut Syeidah Nusailah (2018), Kaedah Kiu ini amat membantu kesulitan yang dihadapi oleh MKUP semasa membaca bibir kerana setiap suku kata yang berlainan bunyi kelihatan berbeza antara satu sama lain. Bentuk kiu tangan berserta dengan posisinya juga membolehkan MKUP membaca dengan betul apa yang dituturkan kepada mereka walaupun mereka tidak dapat mendengar dengan jelas bunyi pertuturan tersebut.

c. Kaedah Fakih


Kaedah Fakih merupakan kaedah yang diasaskan oleh Ustazah Nor Aziah Mohd Daud pada tahun 2009. Kaedah ini dibentuk bagi membantu golongan bermasalah pendengaran dan pembelajaran dalam mempelajari al-Quran (Syar Meeze Mohd Rashid 2017). Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Pendidikan Islam Masalah Pendengaran berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Berdasarkan KSSRPK kaedah ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

Kaedah Fakih ini telah menggunakan enam teknik pengajaran melalui modul yang telah dibangunkan iaitu bermula dengan peringkat kaedah asas Fakih sehinggalah ke Fakih al-Quran 6. Menurut Nor 'Aziah Mohd Daud (2012) Kaedah Fakih merupakan kaedah pembelajaran al-Quran yang berasaskan nombor dan warna. Ia menggunakan tiga warna seperti kuning, merah dan hijau bagi menunjukkan tanda baris huruf, tanda sukun dan tanda syaddah.



Rajah 3 : Simbol Petunjuk Butang Warna (Nor 'Aziah Mohd Daud 2012)

Di samping itu, Kaedah Fakhir ini juga menggunakan kaedah nombor satu sehingga sepuluh bagi turutan bacaan. Sekiranya ia lebih daripada sepuluh, nombor berikut akan berulang kembali ke nombor satu. Hal ini boleh dilihat di rajah 2:



Rajah 4 : Nombor Turutan Bacaan
(Nor ‘Aziah Mohd Daud 2012)

Seterusnya, Kaedah Fakhir ini menggunakan kod tangan Hijaiyyah dengan membuat simbol huruf untuk membaca al-Quran khusus kepada golongan bermasalah pendengaran (Syar Meeze 2017). Hal ini boleh merujuk kepada rajah dibawah:



Rajah 5: Kod Tangan Hijaiyyah
(Sumber: Nor ‘Aziah Mohd Daud 2012)

Kod tangan Hijaiyyah ini juga merupakan permulaan kaedah fakhir iaitu peringkat kaedah Fakhir Quran Asas bagi memperkenalkan huruf-huruf hijaiyyah tunggal kepada pelajar kurang upaya pendengaran. Menurut hasil kajian mendapati kaedah ini perlu dibaiki kerana pelajar kurang upaya pendengaran ini menghadapi kesukaran dari aspek cara bacaan isyarat tangan dan penggunaan urutan nombor (Muhammad Sayuti Sabdan 2016).

d. Kaedah Bahasa Isyarat Arab

Kaedah membaca al-Quran yang dipelajari oleh murid kurang upaya pendengaran juga ialah Kaedah Isyarat Arab. Kaedah ini diaplikasikan di negara-negara seperti Arab Saudi (Muhammad Sayuti Sabdan et. al 2018). Kaedah ini menggunakan isyarat huruf-huruf hijaiyyah tunggal tanpa berbaris.



Rajah 6: Kaedah Isyarat Arab
(Sumber: Muhammad Sayuti Sabdan et. al 2018)

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya terdapat pelbagai kaedah bacaan al-Quran yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Ianya adalah sebagai satu inisiatif agar golongan kurang upaya pendengaran tidak tercicir daripada mempelajari al-Quran. Walaubagaimanapun, kepelbagaian kaedah ini menyebabkan golongan kurang upaya pendengaran mengalami kekeliruan apabila mereka belajar ke peringkat seterusnya, kerana cara pembelajaran al-Quran yang berbeza. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar terdapat satu pihak yang menyelaraskan sistem dan kaedah pembelajaran al-Quran sama ada pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan, diperingkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Dengan cara ini pelajar tidak mengalami kesukaran dalam mempelajari serta mengukuhkan pembelajaran bacaan al-Quran.

Rujukan

- Abdullah Bin Yusoff. 2014. *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Akta Pendiidkan 1996 (Akta 550) Peraturan-peraturan dan Kaedah-Kaedah Terpilih. Undang-undang Malaysia. Internatinal Law Book Services.
- Hamdi Ishak. 2010. *Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ishak Sulaiman & Zakariah Bin Din. 2013. *Kaedah Haraki: Satu Tajdid Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran*. *Pertandingan Inovasi Pendiidkan Peringkat Antarabangsa iCON 2013 & Edu-InERI*
- Izzuli Dzulkifli t. th *Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas Menurut Undang-Undang*.
Fakulti Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas. 2011. *Pendidikan Islam Masalah Pendengaran Tahun dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia

- Kementerian Pendidikan Malaysia.2018. Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Manna Khalil al-Qattan. 1973. *Studi Ilmu-Ilmu Qura'an*. Terj. Mudzakir AS.Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, Nor 'Aziah Mohd Daud, & Noor Fadilah Md Aslie.2016. Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Golongan Pekak di Malaysia. *Jurnal al-Turath Vol 1(2):43-51*
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Nazeam Jomhari. 2018. Kaedah Andargogi Pendidikan Al-Quran Bagi Golongan Pekak Dewasa: *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Special Issue. 405-418.*
- Mohd Zuri Ghani, & Aznan Che Ahmad. 2011. *Kaedah Dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Berkeperluan Khas*. Universiti Sains Malaysia.
- Mustafa Che Omar, Nik Hassan Bin Seman, Abdullah Yusoff & Abdul Hakim Abdullah .2015. Kesukaran Mengajar dan Belajar Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam.*eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.*
- Nor 'Aziah Mohd Daud. 2012 . *Kaedah Mudah Pelajari al-Quran bagi OKU: Fakh al-Quran hadiah buat golongan istimewa*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research
- Nafiseh Alagheband Ghadim, Nazean Jomhari, Norlidah Alias, Syar Meeze Mohd Rashid & Mohd Yakub Mohd Yusoff. 2013 . Mother's Perspective Toward Al-Quran Education Forhearing Impaired Children in Malaysia. *The Malaysia Online Journal of Education Technology. Vol. 1(4), 26-31*
- Norakyairee & Nurulthoilah, (2017) Model Dan Kurikulum Pendidikan Al-Quran Holistik Bagi OKU . *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol 1 (1-15)*
- Unit Pendidikan Khas Ugama. 2014. *Belajar Pertuturan Kiu " Muqaddam"(Bagi Masalah Pendengaran)* Brunei Darussalam., Jabatan Pengajian Islam
- Syar Meeze Mohd Rashid 2017. Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran kepada Golongan Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*
- Syar Meeze Mohd Rashid ,Mohd Hanafi Mohd Yasin & Noraidah Sahari @ Ashaari 2017. Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysian (BIM) di dalam Terjemahan Maksud Surah Al-Fatihah. *Journal of Language Studies Vol 17(4): 209-224*
- Siti Patonah Mohamad, M.y. Zulkifli Mohd, Yusof & Durriyyah Sharifah Hasan Adli .2014. Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam : *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil. 8 Jun 2014-:153-168*
- Undang-undang Malaysia. 2008. "Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)." Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Di akses pada 8September2013 <http://www.jkm.gov.my/oldsite16082013/images/stories/pdf/oku2008scan.pdf>.
- Syeidah Nusailah Mohd Haer .2018. Kaedah Pengajaran al-Quran kepada Orang Kurang Upaya Pendengaran di Sekolah Khas Pertuturan Kiu, Kuala Lumpur. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zalizan Mohd Jelas. 2009. Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia.2012.Pertuturan Kiu Dalam Bahasa Malaysia <http://www.nsd.org.my> [8 Julai 2019]
- Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia.2012.Pertuturan Kiu Dalam Bahasa Arab <http://www.nsd.org.my> [8 Julai 2019]